Soalan No :24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kriteria untuk meluluskan pembinaan kolej perubatan. Berapa graduan berkualiti akan dikeluarkan setiap tahun dari 33 buah kolej.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria standard yang perlu dipatuhi bagi penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah terpakai untuk semua bidang pengajian termasuk perubatan seperti berikut:

(a) Kewangan syarikat yang kukuh;
(b) Kualiti kursus pengajian;
(c) Kakitangan akademik;
(d) Pengajaran dan pembelajaran;
(e) Pengurusan (governance);
(f) Penglibatan dalam aktviti penyelidikan dan pembangunan;
(g) Pengantarabangsaan; dan

(h) Kampus yang kondusif.

Bagi penubuhan institusi yang ingin menawarkan kursus pengajian dalam bidang perubatan, perkara ini akan dirujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia (*Malaysian Medical Council*, MMC) untuk ulasan dan kelulusan. Walau bagaimanapun, pada masa kini Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan moratorium (pembekuan) ke atas penawaran kursus baharu bidang perubatan untuk tempoh **lima (5) tahun berkuatkuasa 1 Mei 2011.**

Sehingga tahun 2014, KPM telah meluluskan sebanyak 26 kursus perubatan kepada 21 buah IPTS untuk ditawarkan. Bilangan pelajar yang bergraduat dalam jurusan perubatan bagi tahun 2014 adalah seramai 610 orang.

RJM13